

13/05/1997

Industri besi, keluli perlu diteruskan: PM

M Thillinadan; Kamaruddin Mat Akib

KERAJAAN bertekad dengan keputusannya meneruskan industri besi dan keluli walaupun Perwaja Steel Sdn Bhd menghadapi pelbagai masalah sejak dimulakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sudah komited terhadap industri itu kerana ia adalah pra syarat kepada kemajuan sesebuah negara.

Menurutnya, kemajuan industri keluli menjadi kayu pengukur kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara berdasarkan sejarah yang dialami oleh negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan Jerman.

"Walaupun Perwaja menghadapi pelbagai masalah, saya yakin pengalaman pahit itu tidak akan disia-siakan dan akan dijadikan teladan dan panduan bagi membawa Perwaja ke mercu kejayaan.

"Kita tidak boleh mudah kecewa dan menyerah kalah atau menyerah kepada takdir dan nasib untuk menentukan masa depan dan kejayaan," katanya ketika berucap merasmikan Kilang Beam & Section Perwaja di Kompleks Perwaja Gurun, Kedah, semalam.

Perdana Menteri yakin negara ini mendapat sedikit sebanyak kepakaran dalam bidang industri keluli selepas berbelas-belas tahun menceburinya.

Beliau berkata, bagi menjadi negara perindustrian yang berjaya negara perlu mengeluarkan keluli sendiri bagi memenuhi sektor tempatan.

"Industri keluli memerlukan pelaburan yang besar yang tidak semestinya menjanjikan pulangan keuntungan dalam masa yang singkat," katanya.

Katanya, pembinaan projek seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan bandar Cyberjaya, permintaan bagi keluli akan meningkat.

"Sehubungan itu, Perwaja sebagai perintis industri perlu proaktif dengan perkembangan ini dan membuat perancangan rapi serta praktikal, menjurus kepada memenuhi keperluan sektor pembinaan tempatan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berharap syarikat pengeluar barangan keluli tempatan dapat meningkatkan daya inovasi dan inisiatif mereka untuk mengeluarkan produk baru yang sangat diperlukan sektor pembinaan serta fabrikasi tempatan.

"Memang mudah untuk sesiapa membuat kritikan apabila sesuatu projek kerajaan itu menghadapi krisis atau masalah. Sifat seperti ini adalah biasa, tetapi kita tidak akan putus asa," katanya.

Perdana Menteri bangga kerana Perwaja masih dapat mengekalkan operasinya walaupun menerima kritikan pelbagai pihak.

Menurutnya, keluli mempunyai masa depan yang baik kerana kekuatan keluli adalah enam kali ganda dibandingkan dengan konkrit, mutunya tinggi serta menepati piawaian antarabangsa.

Tambahan lagi, katanya, keluli boleh dikitar semula dan dari segi jangka panjang adalah langkah penjimatan dan menjadi bahan mesra alam.

"Keluli adalah bahan paling wajar untuk industri pembinaan di negara kita. Masalah seperti kekurangan bekalan simen, tenaga dapat diatasi dengan penggunaan keluli dalam struktur binaan.

"Ini adalah alternatif yang perlu diambil kira oleh arkitek, jurutera dan kontraktor," katanya.

Dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata nilai tanggungan sebenar Kerajaan Pusat terhadap hutang dan kerugian terkumpul yang dialami Perwaja Steel hanya RM3 bilion.

Beliau juga mengumumkan pakej penswastan Perwaja Steel dengan Maju Holdings sebagai pemegang saham terbesar iaitu 51 peratus, Kumpulan Lion sebanyak 30 peratus, Kerajaan Pusat (14 peratus) dan Kerajaan Terengganu (Lima peratus).

Keempat-empat pihak itu dijangka menandatangani perjanjian ke arah itu pada 16 Mei ini di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Perwaja Steel, Abu Sahid Mohamed, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memperluaskan kegunaan produk `section' di pasaran tempatan.

"Dengan pengeluaran `beam' dan `section' sebanyak 700 ribu tan metrik setahun, Perwaja bukan saja memenuhi kehendak pasaran tempatan, tetapi juga produk itu ke negara jiran dan pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pengurusan Perwaja kini berjalan lancar dan pekerjaannya memberi sokongan serta menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tidak berbelah bagi kepada Maju Holdings.

(END)